

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2015/2016

Mei/Jun 2016

**JTW 111/JTW 113/JTW 114 – Prinsip Perakaunan Kewangan**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA PULUH LIMA (35)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA** soalan di atas borang OMR.

Pastikan borang OMR diisi dengan lengkap [nombor angka giliran, kursus, jawapan dll]. Gunakan hanya pensel 2B bagi borang OMR anda.

Anda tidak dibenarkan membawa keluar kertas soalan peperiksaan dari dewan peperiksaan.

Keseluruhan soalan diperuntukan 100 markah.

1. Manakah bentuk perniagaan yang mempunyai liabiliti tidak terhad.
  - i. Perniagaan Milikan Tunggal
  - ii. Perkongsian Biasa
  - iii. Perkongsian Liabiliti Terhad
  - iv. Syarikat Sendirian Bhd.
  - A. i sahaja
  - B. i dan ii sahaja
  - C. i, ii dan iii sahaja
  - D. i dan iv sahaja
  
2. Apakah perbezaan utama antara ciri simpankira dan ciri perakaunan?
  - A. Merekod
  - B. Mengelas
  - C. Mentaksir
  - D. Mengenal pasti
  
3. Syarikat Sungai Dua Berhad telah menetapkan kadar susut nilai sebanyak 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan untuk aset kenderaan. Tempoh perakaunan berakhir 31 Disember setiap tahun.

Apakah prinsip perakaunan berkaitan pernyataan di atas?

  - i. Tempoh perakaunan
  - ii. Materialiti
  - iii. Konservatisme
  - iv. Ketekalan
  - A. i dan ii sahaja
  - B. i dan iv sahaja
  - C. ii dan iii sahaja
  - D. iii dan iv sahaja
  
4. Setiap urusaniaga direkod sekurang-kurangnya dua kali dalam dua akaun berlainan dengan jumlah yang sama. Pernyataan ini merujuk kepada prinsip \_\_\_\_\_.
  - A. Keseimbangan
  - B. Catatan Bergu
  - C. Pemindahan Jurnal ke Lejar
  - D. Ketekalan

5. Manakah merupakan kombinasi aset semasa?
- Akaun Komisen Diterima Terdahulu dan Akaun Modal.
  - Akaun Kadar Bayaran Terakru dan Akaun Belum Terima.
  - Akaun Belanja Am Terakru dan Akaun Belum Bayar.
  - Akaun Insuran Terdahulu dan Akaun Bank.
6. Pengurangan ekuiti pemilik sebuah perniagaan berlaku kerana \_\_\_\_\_.
- perniagaan membeli aset bukan semasa
  - perniagaan mendapat untung bersih
  - pemilik mengambil tunai untuk kegunaan peribadi
  - pemilik membawa masuk kenderaan sebagai modal
7. Manakah **BENAR** tentang akaun kontra?
- Akaun Kenderaan merupakan akaun kontra bagi Akaun Susut Nilai Berkumpul Kenderaan.
  - Akaun Hutang Lapuk Terpulih merupakan akaun kontra bagi Akaun Belum Terima.
  - Akaun Pulangan Jualan merupakan akaun kontra bagi Akaun Jualan.
  - Akaun yang akan menambahkan nilai akaun induknya.
8. Pada 31 Disember 2015, gaji bulan Disember sebanyak RM25 000 belum dibayar. Apakah catatan bergu untuk belanja gaji ini?
- Akaun Belanja Gaji (Debit) ; Akaun Belum Bayar (Kredit)
  - Akaun Gaji Belum Bayar (Debit) ; Akaun Belanja Gaji (Kredit)
  - Akaun Belanja Gaji (Debit) ; Akaun Gaji Belum Bayar (Kredit)
  - Akaun Tunai (Debit) ; Akaun Belanja Gaji (Kredit)
9. Perniagaan Bersatu menerima cek bernilai RM3 500 daripada Puan Aminah kerana menjelaskan sepenuhnya hutang bernilai RM3 750.

Apakah catatan bergu bagi urus niaga ini dalam buku Perniagaan Bersatu?

	DEBIT	RM	KREDIT	RM
A.	Bank Diskaun diterima	3 750 250	Aminah	3 750
B.	Bank Diskaun diberi	3 500 250	Aminah	3 750
C.	Bank	3 750	Aminah Diskaun diterima	3 500 250
D.	Bank	3 500	Aminah Diskaun diberi	3 500 250

10. Urusniaga berikut dipetik daripada buku Perniagaan Suri. 'Perniagaan Suri membuat jualan kredit sebanyak RM3500 untuk barangniaga yang bernilai RM2800'.

Apakah kesan urusniaga berkenaan?

	Stok	Akaun Belum Terima	Ekuiti Pemilik
A.	(2 800)	3500	700
B.	3 500	(700)	2 800
C.	2 800	700	3 500
D.	2 800	(3 500)	(700)

11. Akim merupakan pelanggan kepada Perniagaan Majistret. Akim menerima syarat diskaun niaga 10% 10 hari dan 5% 30 hari. Manakah pernyataan yang **BENAR**?

- i. Potongan 10% akan diberi jika hutang dijelaskan dalam masa 10 hari.
  - ii. Potongan 5% akan diberi jika hutang dibayar selepas 10 hari tetapi dalam masa 30 hari.
  - iii. Tiada potongan diberikan jika hutang dibayar selepas 30 hari.
  - iv. Selepas 30 hari, hutang direkod sebagai hutang lapuk.
- A. i dan ii sahaja
  - B. ii dan iii sahaja
  - C. i, ii dan iii sahaja
  - D. i, ii, iii dan iv

12. Dokumen berikut diperoleh daripada rekod perakaunan Kedai Komputer Lina.

ASAL		D/N: 010
<b>NOTA DEBIT</b> PUSAT KOMPUTER MURNI Sungai Dua, Pulau Pinang 04-6527118 Tel: 07-9312275		
		Tarikh : 5 Jun 2015
Kepada : Komputer Lina Balik Pulau Pulau Pinang		
No.Rujukan	Butir	Jumlah
Invois 727	Caj pengangkutan	420.00
JUMLAH		420.00
(Ringgit Malaysia : Empat ratus dua puluh sahaja)		
Pengurus		

Apakah buku catatan pertama untuk merekod butiran dalam dokumen di atas?

- A. Jurnal Am  
 B. Jurnal Belian  
 C. Jurnal Pulangan Jualan  
 D. Jurnal Pulangan Belian
13. Manakah antara berikut yang **BENAR** tentang invois?
- i. Dokumen yang digunakan untuk urusan niaga tunai.  
 ii. Dokumen rujukan untuk merekod dalam Jurnal Belian dan Jurnal Jualan.  
 iii. Disediakan selepas nota serahan ditandatangani dan diserahkan oleh pembeli.  
 iv. Dihantar kepada pembeli untuk menyatakan maklumat hutang perlu dibayar.
- A. i, ii dan iii sahaja  
 B. i, ii dan iv sahaja  
 C. i, iii dan iv sahaja  
 D. ii, iii dan iv sahaja

14. Manakah urusanniaga yang direkod dalam Jurnal Am?

- i. Catatan permulaan perniagaan.
  - ii. Jualan aset bukan semasa.
  - iii. Membawa masuk aset sebagai modal tambahan.
  - iv. Catatan pelarasan.
- A. i dan ii sahaja
  - B. ii dan iv sahaja
  - C. iii dan iv sahaja
  - D. i, ii dan iii sahaja

15. Maklumat berikut dipetik daripada buku Kedai Runcit Afgan.

Akaun Kawalan Penghutang			
2015	RM	2015	RM
Julai 1 Baki b/b	800	Julai 31 Bank	3 800
31 Jualan	7 000	Diskaun diberi	100
		Baki h/b	3 900
	7 800		7 800

Apakah sumber maklumat bagi butiran diskaun diberi?

- A. Buku Tunai
- B. Jurnal Am
- C. Jurnal Jualan
- D. Jurnal Pulangan Jualan

16. Manakah catatan Jurnal Am yang **BENAR** untuk urusanniaga berikut:

‘Pada 1 April 2016, perabot bernilai RM1 700 dibeli daripada Pembekal Jati secara kredit’.

	Tarikh	Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
A.	1 April 2016	Belian Pembekal Jati	1 700	1 700
B.	1 April 2016	Pembekal Jati Belian	1 700	1 700
C.	1 April 2016	Pembekal Jati Perabot	1 700	1 700
D.	1 April 2016	Perabot Pembekal Jati	1 700	1 700

17. Pilih padanan yang **BENAR**.

<b>Padanan</b>	<b>Jenis Kesilapan</b>	<b>Keterangan</b>
i.	Kesilapan songsang	Catatan bergu telah diterbalikkan
ii.	Kesilapan komisyen	Catatan debit dan kredit dicatat dalam akaun yang salah walaupun jenis akaun adalah betul
iii.	Kesilapan prinsip	Urusniaga dicatat dalam akaun yang salah

- A. i dan ii sahaja  
 B. ii dan iii sahaja  
 C. iii sahaja  
 D. i, ii dan iii
18. Manakah antara berikut ditunjukkan sebagai aset semasa dalam Penyata Kedudukan Kewangan?
- i. Sewa dibayar terakru.  
 ii. Sewa diterima terakru.  
 iii. Sewa dibayar terdahulu.  
 iv. Sewa diterima terdahulu.
- A. i dan ii sahaja  
 B. i dan iv sahaja  
 C. ii dan iii sahaja  
 D. iii dan iv sahaja
19. Baki di Buku Tunai berkurang daripada baki di Penyata Bank. Hal ini boleh disebabkan oleh \_\_\_\_\_.
- A. Cek tak laku  
 B. Insuran didebitkan dalam Penyata Bank  
 C. Deposit belum dikreditkan dalam Penyata Bank  
 D. Bayaran daripada penghutang yang dikreditkan dalam Penyata Bank
20. Maklumat berikut diperolehi dari Imbangan Duga Perniagaan Tegas pada 31 Disember 2015.

<b>Butir</b>	<b>Debit RM</b>	<b>Kredit RM</b>
Perabot	20 000	
Susut nilai terkumpul perabot		4 000

Perabot disusutnilaikan 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

Berdasarkan maklumat di atas, catat manakah yang **BENAR** dalam Kunci Kira-kira?

**A. Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2015**

<b>Aset Bukan Semasa</b>	<b>RM</b>
Perabot	20 000
(-) Susut nilai terkumpul	1 600
	<u>18 400</u>

**B. Penyata Kedudukan kewangan pada 31 Disember 2015**

<b>Aset Bukan Semasa</b>	<b>RM</b>
Perabot	20 000
(-) Susut nilai terkumpul	2 400
	<u>17 600</u>

**C. Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2015**

<b>Aset Bukan Semasa</b>	<b>RM</b>
Perabot	20 000
(-) Susut nilai terkumpul	4 000
	<u>16 000</u>

**D. Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2015**

<b>Aset Bukan Semasa</b>	<b>RM</b>
Perabot	20 000
(-) Susut nilai terkumpul	5 600
	<u>14 400</u>

21. Faedah atas ambilan dalam Akaun Pengasingan Untung Rugi adalah \_\_\_\_\_.

- A. faedah yang perlu dibayar oleh perkongsian kerana ambilan perkongsi mengurangkan untung perkongsian
- B. faedah yang perlu dibayar oleh perkongsian kerana perkongsi mengambil tunai atau barang daripada perkongsian
- C. faedah yang akan diterima oleh perkongsi kerana mengambil tunai atau barang daripada perkongsian
- D. faedah yang perlu dibayar oleh perkongsi kerana mengambil tunai atau barang daripada perkongsian



22. Manakah **BENAR** tentang Akta Perkongsian 1961?
- i. Untung atau rugi dibahagi mengikut nisbah modal.
  - ii. Semua pekongsi tidak berhak menerima gaji, elaun atau bonus.
  - iii. Semua pekongsi tidak dibenarkan menerima bayaran faedah atas modal.
  - iv. Semua pekongsi tidak boleh mengambil bahagian dalam pengurusan firma.
- A. i dan ii sahaja
  - B. i dan iv sahaja
  - C. ii dan iii sahaja
  - D. iii dan iv sahaja
23. Manakah antara berikut yang direkod dalam Penyata Kedudukan Kewangan perniagaan perkongsian?
- i. Untung bersih
  - ii. Ambilan pekongsi
  - iii. Modal pekongsi
  - iv. Akaun semasa pekongsi
- A. i dan ii
  - B. i dan iii
  - C. ii dan iv
  - D. iii dan iv
24. Jumlah aset untuk sebuah perniagaan ialah RM42 000 dan jumlah pemiutang ialah RM6 800. Dalam proses realisasi, semua aset direalisasikan sebanyak RM34 000 dan pemiutang dijelaskan sebanyak RM6 000. Belanja realisasi ialah RM700. Hitungkan rugi realisasi.
- A. RM8 700
  - B. RM7 900
  - C. RM2 700
  - D. RM1 900
25. Apakah kelebihan yang diperoleh oleh pemegang syer biasa berbanding syer keutamaan?
- A. Mendapat keutamaan menuntut modalnya apabila perniagaan dibubarkan.
  - B. Mempunyai hak mengundi dalam mesyuarat agung tahunan.
  - C. Berhak menerima tunggakan dividen.
  - D. Kadar dividen adalah tetap.

26. Modal dibenarkan bagi Syarikat Megah Bhd. terdiri daripada 2 000 000 saham biasa bernilai RM1 seunit. Syarikat menerbitkan 1 500 000 saham biasa pada nilai tara. Semua saham tersebut telah dibayar penuh.

Berapakah jumlah modal berbayar?

- A. RM500 000  
 B. RM1 500 000  
 C. RM2 000 000  
 D. RM3 500 000
27. Manakah antara berikut direkod sebagai liabiliti dalam Penyata Kedudukan Kewangan?
- A. Modal tertunggak.  
 B. Modal terbitan.  
 C. Modal belum diterbitkan.  
 D. Modal diterbitkan dan berbayar.
28. Data berikut diperoleh daripada Syarikat Sopan Bhd. pada 31 Disember 2015.

<b>Modal dibenarkan:</b>	<b>RM</b>
RM3 000 000 unit 10% saham keutamaan RM1 sesaham	3 000 000
5 000 000 unit saham biasa RM0.50 sesaham	<u>2 500 000</u>
	<u>5 500 000</u>
<b>Modal diterbitkan dan berbayar:</b>	
800 000 unit 10% saham keutamaan RM1 sesaham	800 000
<b>X</b>	<u>1 500 000</u>
	<u>2 300 000</u>

Apakah **X**?

- A. 1 500 000 unit saham biasa RM1 sesaham.  
 B. 3 000 000 unit saham biasa RM0.50 sesaham.  
 C. 1 500 000 unit 10% saham keutamaan RM1 sesaham.  
 D. 3 000 000 unit 10% saham keutamaan RM0.50 sesaham.

29. Maklumat berikut diperolehi daripada Kedai Teguh Lestari pada 31 Disember 2015.

	<b>RM</b>
Modal Awal	15 000
Modal Akhir	12 000
Modal Tambahan	5 000

Kira untung atau rugi pada 31 Disember 2015, jika nilai ambilan RM3 000.

- A. Rugi RM8 000  
 B. Rugi RM5 000  
 C. Untung RM8 000  
 D. Untung RM5 000
30. Manakah catatan bergu yang **BENAR** untuk setiap urusniaga di bawah?

	<b>Urusniaga</b>	<b>Debit</b>	<b>Kredit</b>
i.	Bayar Perniagaan Rimbun dengan cek	Akaun Bank	Akaun Jualan
ii.	Belian secara kredit daripada Perniagaan Hikmah	Akaun Belian	Akaun Perniagaan Hikmah
iii.	Bayar gaji secara tunai kepada Abu	Akaun Tunai	Akaun Belanja Gaji
iv.	Beli kelengkapan kedai secara tunai	Akaun Kelengkapan	Akaun Tunai

- A. i dan ii sahaja  
 B. ii dan iii sahaja  
 C. ii dan iv sahaja  
 D. i, iii dan iv sahaja
31. Maklumat berikut dipetik dari buku rekod perakaunan Perniagaan Budaya Kelas Pertama pada bulan Disember 2015.

	<b>RM</b>
Baki awal Akaun Belum Bayar	10 800
Belian Tunai	13 380
Pulangan Keluar	825
Diskaun diterima	450
Baki akhir Akaun Belum Bayar	11 850

Berapakah amaun tunai dibayar kepada Akaun Belum Bayar jika jumlah belian kredit pada tahun 2015 ialah RM8 040?

- A. RM5 715
- B. RM7 365
- C. RM7 440
- D. RM11 055

32. Maklumat berikut dipetik daripada buku rekod perakaunan Perniagaan Alam Permai pada 31 Disember 2015.

<b>Item</b>	<b>RM</b>
Untung Kasar	5 600
Diskaun diberi	400
Belanja pelbagai	600
Gaji	800
Komisen diterima	200
Alat tulis	250

Berapakah untung bersih?

- A. RM3 750
- B. RM3 350
- C. RM4 150
- D. RM5 800

33. Maklumat berikut dipetik dari Penyata Kedudukan Kewangan Perniagaan Mesra Bumi pada 31 Disember 2015.

<b>Item</b>	<b>RM</b>
Kenderaan	7 800
Stok	5 080
Akaun Belum Terima	8 600
Bank	2 400
Akaun Belum Bayar	7 680

Berapa modal kerja?

- A. RM19 400
- B. RM21 600
- C. RM8 400
- D. RM6 240

34. Berikut adalah petikan Buku Tunai Perniagaan Setiabudi (sebelah debit) yang menjalankan perniagaan menjual alatan sukan.

<b>BUKU TUNAI</b>				
<b>Tarikh</b>	<b>Item</b>	<b>Diskaun</b>	<b>Tunai</b>	<b>Bank</b>
2015 April 15	Dua Trading			RM 3850

Apakah urus niaga yang menerangkan catatan di atas?

- A. Perniagaan Setiabudi menjelaskan hutang kepada Dua Trading.  
 B. Dua Trading menjelaskan hutang kepada Perniagaan Setiabudi.  
 C. Perniagaan Setiabudi membeli barang niaga daripada Dua Trading.  
 D. Perniagaan Setiabudi menjual raket badminton kepada Dua Trading.
35. Berikut adalah petikan maklumat Penyata Pendapatan.

<b>Butir</b>	<b>RM</b>
Komisen diterima	450
Faedah atas pinjaman	240
Gaji	4 300
Utiliti	760
Insuran	480

Kira untung kasar jika untung bersih ialah RM29 980.

- A. RM35 760  
 B. RM35 310  
 C. RM40 640  
 D. RM30 460
36. Rekod di bawah adalah catatan dalam Jurnal Am.

<b>Jurnal Am</b>			
<b>Tarikh</b>	<b>Butir</b>	<b>Debit</b>	<b>Kredit</b>
2015 April 12	Akaun Promosi Akaun Belian (mengambil sepasang baju kurung untuk promosi)	RM 700	RM 700

Apakah catatan yang perlu direkodkan ke dalam lejar pada tarikh tersebut?

- A. 

Akaun Promosi	
Belian	700

Akaun Belian	
	Promosi 700
- B. 

Akaun Promosi	
Promosi	700

Akaun Belian	
	Belian 700
- C. 

Akaun Promosi	
	Promosi 700

Akaun Belian	
Belian	700
- D. 

Akaun Promosi	
	Belian 700

Akaun Belian	
Promosi	700

37. Manakah rumus yang **BENAR**?

- A. Jumlah hasil sebenar = Hasil yang diterima – Hasil terdahulu
- B. Jumlah hasil sebenar = Hasil yang diterima – Hasil terakru
- C. Jumlah belanja sebenar = Belanja yang dibayar + Belanja terdahulu
- D. Jumlah belanja sebenar = Belanja yang dibayar – Belanja terakru

38. Imbangan Duga di bawah mengandungi kesilapan.

	RM	RM
Modal		9 705
Akaun Belum Terima	6 800	
Akaun Belum Bayar		3 600
Jualan		22 550
Belian	28 150	
Diskaun diterima	70	
Pulangan jualan		375

Berapakah jumlah Imbangan Duga setelah kesilapan dibetulkan?

- A. RM35 395
  - B. RM36 045
  - C. RM35 515
  - D. RM35 935
39. Jualan kredit kepada Perniagaan Tawakal sebanyak RM8 282 telah didebitkan ke dalam Akaun Perniagaan Taakul. Jenis kesilapan tersebut ialah \_\_\_\_\_.
- A. kesilapan prinsip
  - B. kesilapan komisen
  - C. kesilapan catatan asal
  - D. kesilapan saling mengimbangi
40. Berikut adalah maklumat berkaitan Jentera XY.

Tarikh beli	1 Januari 2015
Harga Kos	RM50 000
Usia guna	10 tahun
Nilai skrap	RM10 000

Hitung susutnilai terkumpul Jentera XY pada 31 Disember 2016.

- A. RM4 000
  - B. RM8 000
  - C. RM12 000
  - D. RM38 000
41. Manakah antara berikut **BENAR** mengenai gaji belum bayar?
- i. Gaji yang perlu dibayar sepanjang tempoh perakaunan.
  - ii. Ditunjukkan sebagai liabiliti semasa dalam Penyata Kedudukan Kewangan.
  - iii. Tidak dilaporkan dalam Penyata Pendapatan.
  - iv. Diselaraskan dengan menambah kepada gaji yang telah dibayar.
- A. i, ii dan iii sahaja
  - B. ii, iii dan iv sahaja
  - C. i, iii dan iv sahaja
  - D. i, ii dan iv sahaja

42. Pilih catatan bergu yang **BENAR** untuk catatan pemindahan Susut Nilai Berkumpul Jentera ke Akaun Pelupusan Jentera.

	<b>Debit</b>	<b>Kredit</b>
A.	Akaun Jentera	Akaun Susut Nilai Berkumpul Jentera
B.	Akaun Pelupusan Jentera	Akaun Susut Nilai Berkumpul Jentera
C.	Akaun Susut Nilai Berkumpul Jentera	Akaun Jentera
D.	Akaun Susut Nilai Berkumpul Jentera	Akaun Pelupusan Jentera

43. Modal kerja dihitung dengan \_\_\_\_\_.

- A. menolak jumlah liabiliti daripada jumlah aset  
 B. menolak liabiliti semasa daripada aset semasa  
 C. menjumlahkan aset semasa dan liabiliti semasa  
 D. menolak liabiliti bukan semasa daripada aset semasa

**Soalan 44 hingga 48, adalah berdasarkan maklumat berikut;**

Maklumat berikut dipetik daripada buku rekod perakaunan perniagaan Setia Bersatu pada 31 Disember 2015.

<b>Perkara</b>	<b>RM</b>	<b>Perkara</b>	<b>RM</b>
Bangunan	80 000	Kenderaan	36 000
Susutnilai Berkumpul Kenderaan	5 220	Stok Akhir	10 800
Akaun Belum Terima	11 200	Peruntukan Hutang Lapuk	560
Bank	17 050	Tunai	980
Gaji Terdahulu	1 200	Modal Awal	97 270
Untung Bersih	25 480	Ambilan	600
Pinjaman Jangka Panjang	20 000	Akaun Belum Bayar	9 300

44. Berapakah nilai bersih aset bukan semasa?

- A. RM30 780  
 B. RM110 780  
 C. RM110 000  
 D. RM116 000



45. Berapakah nilai bersih aset semasa?
- A. RM40 670  
B. RM10 640  
C. RM20 130  
D. RM22 000
46. Berapakah modal akhir?
- A. RM122 750  
B. RM122 150  
C. RM96 670  
D. RM151 450
47. Berapakah jumlah liabiliti?
- A. RM9 300  
B. RM29 300  
C. RM28 900  
D. RM9 300
48. Berapakah angka keseimbangan Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2015?
- A. RM150 450  
B. RM151 450  
C. RM110 450  
D. RM122 450
49. En. Mus mengambil alih perabot bernilai RM80 000 apabila perkongsian dibubarkan. Tentukan catatan di Jurnal Am untuk merekod peristiwa tersebut.

A.

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Modal Mus Realisasi	80 000	80 000

B.

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Perabot Realisasi	80 000	80 000

C.

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Realisasi Perabot	80 000	80 000

D.

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Realisasi Modal Mus	80 000	80 000

50. Berapakah dividen untuk setiap jenis saham di bawah?

Saham biasa	Saham keutamaan
13 sen dividen atas setiap saham modal berbayar syarikat terdiri daripada 5 juta unit saham biasa RM2 dibayar penuh	560 000 10% unit saham keutamaan, RM2 sesaham

	Saham biasa (RM)	Saham keutamaan (RM)
A.	650 000	112 000
B.	1 300 000	112 000
C.	650 000	56 000
D.	1 300 000	56 000

51. Syarikat Bumiku menerbitkan saham biasa kepada orang ramai dan semua saham telah dipohon dan dibayar penuh.

Apakah catatan bergu yang **BENAR**?

	Debit	Kredit
i.	Akaun Bank	Akaun Permohonan Saham Biasa
ii.	Akaun Modal Saham Biasa	Akaun Bank
iii.	Akaun Permohonan Saham Biasa	Akaun Bank
iv.	Akaun Permohonan Saham Biasa	Akaun Modal Saham Biasa

- A. i dan ii sahaja  
 B. i dan iv sahaja  
 C. ii dan iii sahaja  
 D. iii dan iv sahaja
52. Persamaan bagi mengira untung atau rugi perniagaan yang menyimpan rekod tidak mengikut sistem catatan bergu adalah \_\_\_\_\_.
- A. Untung bersih = Modal akhir + Ambilan - Modal awal - Modal tambahan  
 B. Untung bersih = Modal akhir + Modal awal - Modal tambahan - Ambilan  
 C. Untung bersih = Modal awal + Modal tambahan + Ambilan - Modal akhir  
 D. Untung bersih = Modal akhir + Modal tambahan - Ambilan - Modal awal

53. Perniagaan Intan Baiduri tidak menggunakan sistem catatan bergu untuk merekod urus niaga. Pada 30 April 2015, iaitu pada akhir tempoh perakaunannya, maklumat berikut diperoleh:

	1 Mei 2015	30 April 2015
Belanja elektrik terakru	RM120	RM120

Pada sepanjang tempoh perakaunan tersebut, belanja elektrik yang dibayar ialah RM180.

Apakah belanja elektrik bagi tahun berakhir 30 April 2015?

- A. RM60
- B. RM180
- C. RM300
- D. RM240

54. Berikut adalah petikan Penyata Pendapatan Perniagaan Istana bagi tahun berakhir 31 Disember 2015.

	<b>RM</b>
Jualan	90 400
Tolak : Kos Jualan	?
Untung Kasar	?
Tolak : Belanja Operasi	7 800
Untung Bersih	?

Berapakah Untung Kasar bagi tahun 2015 jika peratus untung bersih atas jualan ialah 20%.

- A. RM10 280
- B. RM18 080
- C. RM25 880
- D. RM33 680

55. Apakah konsep perakaunan yang berkaitan dengan maklumat berikut.

- Membantu pelabur dan pengguna mendapat maklumat kewangan yang tepat.
- Membantu peniaga membuat keputusan yang wajar.

- A. Kos sejarah.
- B. Asas perakaunan akruan.
- C. Entiti berasingan.
- D. Pelaporan berasaskan nilai saksama.

56. Pilih hasil operasi bagi sebuah kedai yang menjual barang elektrik.

- i. Jualan perabot lama
- ii. Jualan sebuah peti sejuk
- iii. Dividen pelaburan saham
- iv. Untung jualan alat penyaman udara

- A. i dan ii sahaja  
 B. ii dan iv sahaja  
 C. i dan iii sahaja  
 D. iii dan iv sahaja
57. Pilih padanan yang **BENAR**.
- i. Sewa diterima terakru – aset bukan semasa  
 ii. Pinjaman Jangka Panjang – liabiliti bukan semasa  
 iii. Bank – aset semasa  
 iv. Belanja sewa terakru – liabiliti semasa
- A. i dan ii sahaja  
 B. i, ii dan iii sahaja  
 C. ii, iii dan iv sahaja  
 D. i, iii dan iv sahaja
58. Pengiraan untung kasar tidak melibatkan \_\_\_\_\_.
- A. Pulangan jualan  
 B. Pulangan belian  
 C. Yuran audit  
 D. Angkutan masuk
59. Pilih butiran yang telah direkodkan dalam Penyata Bank tetapi belum direkodkan dalam buku tunai sebuah perniagaan.
- i. Pindahan Kredit  
 ii. Dividen Pelaburan  
 iii. Faedah atas overdraf  
 iv. Deposit belum dikreditkan
- A. i, ii dan iii sahaja  
 B. i, ii dan iv sahaja  
 C. i, iii dan iv sahaja  
 D. ii, iii dan iv sahaja

**Soalan 60 dan 61 berdasarkan maklumat berikut;**

Perkara	RM
Aset	72 400
Liabiliti	30 000
Modal Awal	40 000
Untung Bersih	2 600
Ambilan	200

60. Berapakah modal akhir?
- RM42 400
  - RM42 600
  - RM42 800
  - RM39 800
61. Jika aset semasa adalah 30% daripada jumlah aset dan liabiliti semasa adalah 50% daripada jumlah liabiliti, berapakah modal kerja?
- RM6 720
  - RM42 400
  - RM21 720
  - RM15 000
62. Mengapakah Nota Debit dihantar oleh penjual kepada pembeli?
- Pembeli diberi diskaun, elaun atau komisen.
  - Invois terkurang catat kerana kesilapan pengiraan.
  - Faedah yang dikenakan kerana pembeli lewat menjelaskan bayaran.
  - Catatan seperti caj angkutan dan belanja pos tertinggal dalam invois.
- i, ii dan iii sahaja
  - i, ii dan iv sahaja
  - i, iii dan iv sahaja
  - ii, iii dan iv sahaja
63. Maklumat berikut diberi:

Item	RM
Jumlah faedah atas modal pekongsi	2 500
Untung bersih	23 060
Jumlah faedah atas ambilan pekongsi	120
Gaji pekongsi	5 000
Pembahagian untung pekongsi A dan pekongsi B adalah sama rata	

Berapakah untung diagih kepada pekongsi A?

- RM11 530
- RM23 060
- RM7 840
- RM23 180

64. Dokumen berikut adalah Keratan Cek.

<b>BANK RBB BHD</b>		
Tarikh	: <u>1 Julai 2015</u>	
Penerima	: <u>Syarikat Muslim</u>	
Untuk	: <u>Menjelaskan invois no. 7721</u>	
	Ringgit	Sen
Baki akhir	12 000	00
Masuk	-	-
Jumlah	12 000	00
Keluar	2 147	00
Baki	9 853	

No. Cek RBB 142314

Pilih pernyataan yang BENAR tentang dokumen tersebut.

- i. Cek ini bernilai RM2 147.
  - ii. Baki bank terkini ialah RM9 853.
  - iii. Cek ini dikeluarkan oleh Syarikat Muslim.
  - iv. Cek ini dikeluarkan bertujuan membayar hutang.
- A. i, ii dan iii sahaja
  - B. i, ii dan iv sahaja
  - C. i, iii dan iv sahaja
  - D. ii, iii dan iv sahaja

65. Maklumat berikut diberi.

Akaun ini menunjukkan tuntutan firma perkongsian terhadap pekongsi dan tuntutan pekongsi terhadap firma perkongsian

Maklumat di atas adalah tentang:

- A. Akaun Modal Pekongsi
- B. Akaun Pengasingan Untung Rugi
- C. Akaun Realisasi
- D. Akaun Semasa Pekongsi

66. Pilih urus niaga yang dicatat dalam Jurnal Khas.
- Pemilik membuat ambilan tunai.
  - Kenderaan terpakai dijual secara kredit.
  - Beli perabot untuk kegunaan di pejabat.
  - Pelanggan memulangkan barang niaga yang rosak.
67. Pilih urus niaga yang direkodkan dalam Jurnal Pembayaran Tunai.
- Membeli barang niaga berjumlah RM7 000.
  - Membawa masuk wang peribadi RM6 000 ke dalam perniagaan.
  - Jelaskan hutang kepada pemiutang RM3 000 dan terima diskaun sebanyak RM100.
  - Pinjaman bank untuk perniagaan berjumlah RM7 000 daripada Bank Bumi Berhad.
- i dan ii sahaja
  - i dan iii sahaja
  - ii dan iv sahaja
  - iii dan iv sahaja
68. Diberikan maklumat berikut:

Item	RM
Modal pada 1 Jan	20 000
Modal pada 31 Jan	32 000
Ambilan	8 000
Modal Tambahan	2 000

Berapakah untung bersih?

- RM10 800
  - RM22 000
  - RM20 800
  - RM10 000
69. Manakah merupakan kegunaan keuntungan syarikat.
- Bayar dividen kepada pemegang saham
  - Rizab
  - Dibawa ke tahun hadapan
- i sahaja
  - i dan ii sahaja
  - i dan iii sahaja
  - i, ii dan iii sahaja

70. Apakah urus niaga yang berlaku pada 30 November 2015 dalam Buku Tunai di bawah?

Dt					Buku Tunai					Kt
Tarikh	Butir	Folio	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Folio	Tunai	Bank	
2015			RM	RM	2015			RM	RM	
Nov. 30	Tunai	/		600	Nov. 30	Bank	/	600		

- A. Pemindahan wang tunai daripada bank perniagaan ke bank pemilik.  
 B. Pemindahan wang tunai daripada bank pemilik ke bank perniagaan.  
 C. Pemindahan wang tunai daripada pejabat perniagaan ke bank perniagaan.  
 D. Pemindahan wang tunai daripada bank perniagaan ke pejabat perniagaan.
71. Kedai Perdana memberikan maklumat seperti berikut:

2015				RM
Mei 20	Membeli barang niaga daripada Saleh secara kredit			3 500
31	Menjelaskan hutang kepada Saleh dengan cek			3 250
	Menerima diskaun			250

Bagaimanakah urus niaga pada 31 Mei 2015 dicatat dalam Buku Tunai?

A. **Dt** **Buku Tunai** **Kt**

Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
2015		RM	RM	RM	2015		RM	RM	RM
Mei 31	Saleh	250		3 500					

B. **Dt** **Buku Tunai** **Kt**

Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
2015		RM	RM	RM	2015		RM	RM	RM
Mei 31	Saleh	250		3 250					

C. **Dt** **Buku Tunai** **Kt**

Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
2015		RM	RM	RM	2015		RM	RM	RM
					Mei 31	Saleh	250		3 500

D. **Dt** **Buku Tunai** **Kt**

Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
2015		RM	RM	RM	2015		RM	RM	RM
					Mei 31	Saleh	250		3 250



72. Manakah kesilapan tidak ketara Imbangan Duga.

- i. Kesilapan songsang
  - ii. Kesilapan komisen
  - iii. Kesilapan saling mengimbangi
  - iv. Kesilapan prinsip
- A. i dan ii sahaja
  - B. ii, iii dan iv sahaja
  - C. i dan iv sahaja
  - D. i, ii, iii dan iv

73. Maklumat berikut dipetik daripada buku akaun Perniagaan Tegas pada bulan September 2015.

	RM
Baki awal penghutang	3 720
Baki akhir penghutang	4 560
Bayaran oleh penghutang (termasuk hutang lapuk terpulih RM180)	11 760
Pulangan Jualan	520

Hitung jumlah jualan kredit untuk bulan tersebut.

- A. RM11 260
- B. RM12 940
- C. RM16 660
- D. RM19 520

**Soalan 74 dan 75 berdasarkan maklumat berikut:**

Item	RM
Stok Awal	4 800
Belian	3 200
Pulangan belian	120
Stok Akhir	4 270

74. Berapakah kos barang dijual.

- A. RM36 680
- B. RM32 410
- C. RM31 880
- D. RM35 310

75. Berapakah kos jualan?

- A. RM36 680
- B. RM32 410
- C. RM35 760
- D. RM29 980

76. Maklumat berikut dipetik daripada buku akaun Syarikat Seri Gunung.

<b>Imbangan Duga pada 31 Jun 2015</b>		
<b>Perkara</b>	<b>Debit</b>	<b>Kredit</b>
	RM	RM
Modal		20 000
Kenderaan	25 000	
Tunai	3 000	
Akaun Belum Bayar		4 000
<b>S dan T</b>	1 000	5 000

Apakah **S** dan **T**?

	<b>S</b>	<b>T</b>
A.	Stok awal	Stok akhir
B.	Angkutan masuk	Angkutan keluar
C.	Diskaun diberi	Diskaun diterima
D.	Jualan	Belian

77. Maklumat berikut dipetik daripada Imbangan Duga Perniagaan Ahmad pada 31 Disember 2015.

	RM
Modal	9 705
Kenderaan	10 000
Akaun Belum Terima	6 800
Akaun Belum Bayar	<b>K</b>
Jualan	24 500
Belian	20 150
Diskaun diterima	80
Insuran	600
Pulangan jualan	335

Hitung nilai **K**.

- A. RM41 085
- B. RM37 885
- C. RM10 000
- D. RM3 600

78. Manakah antara berikut merupakan kesilapan ketara dalam Imbangan Duga?

- A. Promosi RM3 000 tersilap rekod dalam Akaun Kadar Bayaran.
- B. Akaun Angkutan Keluar dan Akaun Faedah Diterima terlebih catat sebanyak RM80.
- C. Jualan kepada Syarikat Setia berjumlah RM600 tersalah rekod dalam Akaun Syarikat Sopia.
- D. Pembayaran cek RM750 untuk sewa yang dikreditkan dalam Buku Tunai dan Akaun Sewa Diterima.

79. Seorang kerani akaun telah membuat kesilapan berikut.

Pulangan belian daripada Perniagaan Makmur sebanyak RM250 telah dikreditkan dalam Akaun Perniagaan Maqmur.

Bagaimanakah pembetulan kesilapan dicatat dalam Jurnal Am?

	<b>Debit</b>	<b>Kredit</b>
A.	Perniagaan Makmur RM250	Perniagaan Maqmur RM250
B.	Perniagaan Makmur RM500	Perniagaan Maqmur RM500
C.	Perniagaan Maqmur RM250	Perniagaan Makmur RM250
D.	Perniagaan Maqmur RM500	Perniagaan Makmur RM500

80. Pilih padanan yang **BENAR**.

	<b>Lejar</b>	<b>Baki di Imbangan Duga</b>
i.	Sewa dibayar terdahulu	debit
ii.	Komisen diterima terakru	debit
iii.	Faedah diterima terdahulu	kredit
iv.	Sewa terakru	kredit

- A. i, ii dan iii sahaja
- B. ii, iii dan iv sahaja
- C. i, ii dan iv sahaja
- D. i, ii, iii dan iv

81. Maklumat berikut diberi:

Item	RM
Stok Awal	11 980
Belian	56 200
Stok Akhir	12 060
Jualan	75 400
Pulangan Jualan	260

- A. RM56 120  
 B. RM19,020  
 C. RM75 140  
 D. RM68 180
82. Jadual di bawah dipetik daripada rekod aset bukan semasa Perniagaan Segi Emas.

Aset	Tarikh beli	Harga Kos (RM)
Kenderaan	1 Julai 2015	75 000
Mesin	1 Oktober 2015	15 000

Kedua-dua aset disusutnilai 10% setahun atas kos. Hitung susut nilai kedua-dua aset pada 31 Disember 2015.

	Kenderaan	Mesin
A.	RM3 750	RM1 125
B.	RM3 750	RM375
C.	RM7 500	RM375
D.	RM7 500	RM1 500

Soalan 83 dan 84 berdasarkan maklumat berikut:

Perniagaan Mukhlis membeli sebuah kenderaan berkos RM150 000 pada 1 Januari 2015. Kenderaan disusutnilai pada kadar 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.


83. Berapakah jumlah susutnilai terkumpul untuk 3 tahun?
- A. RM54 200
  - B. RM20 000
  - C. RM18 000
  - D. RM16 200
84. Berapakah nilai buku kenderaan pada 1 Januari 2018?
- A. RM180 000
  - B. RM162 000
  - C. RM145 000
  - D. RM145 800
85. Data di bawah adalah petikan Imbangan Duga Perniagaan Bakti pada 31 Disember 2015.

<b>Butir</b>	<b>RM</b>
Akaun Belum Terima	6 800
Perabot	10 000
Akaun Belum Bayar	3 600
Modal	9 705
Utiliti	600
Komisen diterima	70
Belian	18 150
Jualan	22 500
Pulangan Jualan	325

Tentukan angka Imbangan Duga pada 31 Disember 2015.

- A. RM35 805
- B. RM35 875
- C. RM35 550
- D. RM36 200

86. Rajah berikut berkenaan liabiliti.



Apakah T?

- A. Stok, Akaun Belum Bayar dan Tunai.
  - B. Stok, Overdraf Bank dan Akaun Belum Terima.
  - C. Akaun Belum Bayar, Overdraf Bank dan Insuran Terdahulu.
  - D. Akaun Belum Bayar, Kadar Bayaran Terakru dan Komisen Diterima Terdahulu.
87. Maklumat berikut dipetik daripada Penyata Pendapatan Perniagaan Kekal Abadi.

Butir	RM
Jualan	68 000
Diskaun diberi	200
Stok Awal	4 800
Belian	32 000
Pulangan belian	120
Stok Akhir	4 270

Hitung kos barang dijual, kos jualan dan untung kasar.

- A. RM36 680, RM32 410 dan RM35 390
- B. RM31 880, RM35 310 dan RM32 410
- C. RM67 720, RM35 310 dan RM36 680
- D. RM32 410, RM31 880 dan RM35 310

88. Pemilik Kedai Runcit Bakti telah mengeluarkan tunai daripada bank untuk kegunaan peribadi.

Apakah kesan urus niaga ke atas aset, liabiliti dan ekuiti pemilik?

	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
A.	Bertambah	Bertambah	Tidak kesan
B.	Berkurang	Berkurang	Tidak kesan
C.	Bertambah	Tiada kesan	Bertambah
D.	Berkurang	Tiada kesan	Berkurang

89. Manakah **BENAR** tentang debentur?

- i. Bon yang tidak ada jaminan dalam bentuk aset.
  - ii. Satu janji bertulis untuk membayar jumlah prinsipal pada satu masa tertentu.
  - iii. Satu janji bertulis untuk membayar faedah atas prinsipal pada kadar tertentu untuk jangka masa tertentu.
  - iv. Satu liabiliti kepada penerbit debentur.
- A. i, ii dan iii sahaja
  - B. ii dan iii sahaja
  - C. ii, iii dan iv sahaja
  - D. i, ii, iii dan iv

90. Pilih padanan yang **BENAR**.

	Dokumen Sumber	Buku Catatan Pertama
A.	Nota Debit (salinan)	Jurnal Belian
B.	Invois (salinan)	Jurnal Jualan
C.	Invois (asal)	Jurnal Pulangan Belian
D.	Nota Kredit (asal)	Jurnal Pulangan Jualan

91. Maklumat berikut adalah petikan Imbangan Duga Syarikat Pintar.

Imbangan Duga pada 31 Disember 2015		
	<u>Debit (RM)</u>	<u>Kredit (RM)</u>
Akaun Belum Terima	13 890	
Akaun Belum Bayar		10 050
<b>X</b>	1 200	
Belian	44 500	
Jualan		33 000
<b>Y</b>		2 000

Apakah **X** dan **Y**?

- A. Diskaun Diberi dan Belanja Gaji.  
 B. Angkutan Keluar dan Angkutan Masuk.  
 C. Belanja Sewa dan Cukai Belum Bayar.  
 D. Angkutan Masuk dan Angkutan Keluar.
92. Maklumat berikut adalah petikan Penyata Kedudukan Kewangan Prima Trading pada 31 Disember 2015.

Prima Trading Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2015	
<u>Aset bukan Semasa</u>	<u>RM</u>
Perabot	7 800
<u>Aset Semasa</u>	
Stok	5 080
Akaun Belum Terima	8 600
Gaji terdahulu	2 400
<u>Liabiliti Semasa</u>	
Bank	560
Akaun Belum Bayar	7 120



Berdasarkan petikan maklumat di atas, berapakah ekuiti pemilik?

- A. RM19 400
- B. RM21 600
- C. RM16 200
- D. RM6 240

93. Selamat Sdn. Bhd. menjual barang niaga secara kredit kepada Kedai Suria. Apakah catatan bergu yang terlibat?

	Akaun didebitkan	Akaun dikreditkan
A.	Kedai Runcit Suria	Jualan
B.	Tunai	Kedai Runcit Suria
C.	Jualan	Kedai Runcit Suria
D.	Kedai Runcit Suria	Tunai

94. Ahmad merupakan rakan kongsi Perniagaan A & B. Maklumat berikut dipetik daripada rekod Perniagaan A & B.

Imbangan Duga pada 31 Disember 2015

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Pinjaman daripada Ahmad		40 000
Faedah atas pinjaman	2 000	

# Faedah atas pinjaman rakan kongsi ialah 8% setahun.

Pilih catatan yang **BENAR** untuk faedah atas pinjaman.

	Debit	RM	Kredit	RM
A.	Akaun Untung Rugi	3 200	Akaun Semasa Ahmad	1 200
B.	Akaun Pengasingan	3 200	Akaun Semasa Ahmad	3 200
C.	Akaun Pengasingan	3 200	Akaun Semasa Ahmad	1 200
D.	Akaun Untung Rugi	2 000	Akaun Semasa Ahmad	2 000

95. Perkara yang berlaku semasa pembubaran perkongsian ialah \_\_\_\_\_.

- i. aset bukan semasa dijual
  - ii. modal pekongsi dibayar balik
  - iii. hutang kepada semua pemiutang luar dihapuskan
  - iv. untung atau rugi perkongsian dibahagikan mengikut nisbah modal
- A. i dan ii sahaja
  - B. i dan iii sahaja
  - C. ii dan iv sahaja
  - D. iii dan iv sahaja

96. Maklumat berikut dipetik daripada buku Perniagaan Emas Unggul.

Gaji bulanan yang perlu dibayar kepada para pekerja ialah RM10 000. Pada 31 Disember 2015, jumlah gaji yang telah dibayar untuk tahun 2015 ialah RM100 000.

Manakah padanan yang **BENAR** untuk catatan pada 31 Disember 2015.

	<b>Penyata Kedudukan Kewangan</b>	<b>Penyata Pendapatan</b>
A.	RM10 000	RM100 000
B.	RM100 000	RM10 000
C.	RM100 000	RM120 000
D.	RM20 000	RM120 000

97. Penyata Penyesuaian Bank di bawah dipetik dari Perniagaan Segarmas.

Penyata Penyesuaian Bank pada 30 April 2015

	RM
Baki debit di buku tunai	5 180
Tambah : <b>X</b>	<u>320</u>
	5 500
Tolak : <b>Y</b>	<u>250</u>
Baki kredit di Penyata Bank	<u>5 250</u>

Apakah **X** dan **Y**?

	<b>X</b>	<b>Y</b>
A.	Deposit belum dikreditkan	Dividen atas pelaburan
B.	Cek belum dikemukakan	Faedah atas overdraf
C.	Faedah atas simpanan	Pindahan kredit
D.	Buku cek	Caj bank

98. Semua butiran direkod dalam Akaun Pengasingan Untung Rugi **KECUALI** \_\_\_\_\_.

- A. faedah atas modal
- B. faedah atas pinjaman
- C. faedah atas ambilan
- D. untung bersih

99. Maklumat berikut dipetik dari buku Perkongsian Budi dan Bada pada 31 Disember 2015.

Untung bersih	RM18 940
Modal Budi	RM45 000
Modal Bada	RM15 000
Faedah atas modal ialah 5% atas modal	
Pembahagian untung ialah mengikut nisbah modal	

Berapakah untung untuk Budi?

- A. RM11 955
- B. RM13 080
- C. RM14 205
- D. RM16 455

100. Manakah urus niaga yang direkod dalam Akaun Realisasi?

- A. Menjelaskan pinjaman.
- B. Memindah baki Akaun Semasa.
- C. Menerima diskaun daripada pemiutang.
- D. Pekongsi menampung kekurangan dalam Akaun Modal.